

# Rancang projek dengan teliti

um-30/8/2006

**Kerja-kerja yang tidak disusun betul-betul pada peringkat awal ini menyebabkan rakyat tidak berterima kasih sebaliknya marah pula kerana kita tidak buat kerja dengan betul**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Oleh **AZRAN FITRI RAHIM**  
dan **SAIFUL HAIZAN HASAM**

**SEREMBAN** 29 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan perancangan apa jua projek kerajaan perlu dibuat dengan teliti dan kreatif bagi mengelakkan ia menjadi satu masalah baru yang mungkin tidak mampu ditangani pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, kegagalan merancang dengan baik boleh membangkitkan kemarahan rakyat yang pada mulanya berterima kasih dan gembira dengan pelaksanaan projek terbabit.

Beliau mengingatkan, kegagalan itu juga akan melahirkan isu-isu baru yang boleh digunakan oleh pihak tidak berpuas hati untuk membuat kritikan terhadap kerajaan.

"Yang dah buat pecah tanah pun bangunan tak naik-naik, kerbau dah tiga ekor sembelih, kompong dah tepuk dan rakyat pun seronok. Lepas itu, sebulan tak naik, tiga bulan pun tak ada, setahun tidak ada, tiga tahun pun tak ada.

"Kerja-kerja yang tidak disusun betul-betul pada peringkat awal ini menyebabkan rakyat tidak berterima kasih sebaliknya marah pula kerana kita tidak buat kerja dengan betul," katanya.

Beliau berucap demikian pada Majlis Peremuan Bersama Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, di Wisma Negeri di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid.

Kata Abdullah, selain perancangan yang baik, pemantauan berterusan juga penting bagi menjayakan projek kerajaan dan wakil rakyat perlu mengambil inisiatif untuk melakukannya.

Beliau memberitahu, pemantauan itu adalah untuk memastikan ia tidak berdepan dengan masalah dan sekiranya wujud permasalahan ia boleh diselesaikan sebelum ia menjadi besar.

"Kalau ada masalah kita ambil tindakan yang cepat supaya ia tak jadi halangan kepada projek yang sedang dijalankan sebab kita dapat atasi awal-awal lagi. Ia umpama kain yang carik kita cepat-cepat jahit supaya tidak terkoyak," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengingatkan pihak-pihak yang membuat perancangan agar berfikir dengan kreatif dalam melaksanakan projek terutama yang berkaitan dengan pembangunan modal insan, pertanian dan industri kampung.

Katanya, pihak terbabit perlu memikirkan kesan daripada perancangan mereka dan bukannya membuat projek dengan terburu-buru.

"Ini kerja yang tidak ada motivasi dan minat, jangan sampai kalau nak buat apa apa terus buat, apa yang jadi selepas itu jadilah dan bila ada masalah dia minta tukar (jabatan) awal-awal lagi," katanya.